



29 Disember 2020
29 December 2020
P.U. (A) 385

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI MENGURANGKAN KESAN PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19) (PINDAAN JADUAL) 2020

TEMPORARY MEASURES FOR REDUCING THE IMPACT OF CORONAVIRUS DISEASE 2019 (COVID-19) (AMENDMENT OF SCHEDULE) ORDER 2020

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI MENGURANGKAN KESAN
PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19) 2020

PERINTAH LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI MENGURANGKAN KESAN
PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19) (PINDAAN JADUAL) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 8 Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 [*Akta 829*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pindaan Jadual) 2020**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

Pindaan Jadual

2. Jadual kepada Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 dipinda dengan memasukkan selepas butiran 7 butiran yang berikut:

“8. Perjanjian sewa beli sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Sewa Beli 1967 [*Akta 212*] atau kontrak pajakan, yang telah dimasuki oleh perusahaan mikro, golongan B40 atau M40 seperti yang dinyatakan dalam pangkalan data Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi kenderaan yang berikut:

(a) kenderaan motokar seperti yang dikelaskan di bawah seksyen 5 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*];

(b) kenderaan barangan atau perkhidmatan awam—

(i) berhubung dengan Semenanjung Malaysia, mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pengangkutan

Awam Darat 2010 [*Akta 715*]; atau

- (ii) berhubung dengan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [*Akta 334*]; atau

(c) kenderaan pelancongan—

- (i) berhubung dengan Semenanjung Malaysia, mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [*Akta 715*]; atau
- (ii) berhubung dengan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [*Akta 594*]

- 9. Kontrak jualan kredit di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 [*Akta 599*”].

Dibuat 29 Disember 2020
[KPDN.100-1/1/9; PN(PU2)470/IV]

DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(*Parlimen dan Undang-Undang*)

TEMPORARY MEASURES FOR REDUCING THE IMPACT
OF CORONAVIRUS DISEASE 2019 (COVID-19) ACT 2020

TEMPORARY MEASURES FOR REDUCING THE IMPACT
OF CORONAVIRUS DISEASE 2019 (COVID-19) (AMENDMENT OF SCHEDULE)
ORDER 2020

IN exercise of the powers conferred under section 8 of the Temporary Measures for Reducing the Impact of Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) Act 2020 [*Act 829*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Temporary Measures for Reducing the Impact of Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) (Amendment of Schedule) Order 2020**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2021.

Amendment of Schedule

2. The Schedule to the Temporary Measures for Reducing the Impact of Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) Act 2020 is amended by inserting after item 7 the following items:

“8. Hire-purchase agreement as defined under Hire-Purchase Act 1967 [*Act 212*] or leasing contract, that has been entered into by micro enterprises, B40 or M40 class of persons as specified in the Inland Revenue Board of Malaysia database, as the case may be, for the following vehicles:

(a) motor vehicles as classified under section 5 of the Road Transport Act 1987 [*Act 333*];

(b) goods or public service vehicle—

(i) in relation to Peninsular Malaysia, has the meaning assigned

to it in the Land Public Transport Act 2010 [*Act 715*]; or

- (ii) in relation to Sabah, Sarawak and Federal Territory of Labuan, has the meaning assigned to it in the Commercial Vehicles Licensing Board Act 1987 [*Act 334*]; or

(c) tourism vehicle—

- (i) in relation to Peninsular Malaysia, has the meaning assigned to it in the Land Public Transport Act 2010 [*Act 715*]; or
- (ii) in relation to Sabah, Sarawak and Federal Territory of Labuan, has the meaning assigned to it in the Tourism Vehicles Licensing Board 1999 [*Act 594*]

9. Credit sales contract under the Consumer Protection Act 1999 [*Act 599*”.

Made 29 December 2020
[KPDN.100-1/1/9; PN(PU2)470/IV]

DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
Minister in the Prime Minister's Department
(Parliament and Laws)